



**HGA 101/4 PENGANTAR GEOGRAFI**

**SEMESTER 2**

**SIDANG AKADEMIK 2017/2018**

**TAJUK SOALAN 1:**

DENGAN MENGAMBIL TEMPAT TINGGAL ANDA SEBAGAI KAJIAN KES,  
BINCANGKAN BAGAIMANA SEBAHAGIAN ASPEK BUDAYA PENDUDUK  
ADALAH DIPENGARUHI OLEH ALAM SEKITAR. BERI HANYA DUA ATAU TIGA  
ASPEK BUDAYA SAHAJA DAN TERANGKAN DENGAN JELAS CARA IA  
DIPENGARUHI ALAM SEKITAR.

**DISEDIAKAN OLEH : SITI ZULAIKHA BINTI HASAN**

**NO KAD PENGENALAN : 960529-08-5648**

**NO MATRIK : 136505**

**E-MEL PELAJAR : sitizulaikha@student.usm.my**

**NAMA PENSYARAH : PROF DR SURIATI BINTI GHAZALI**

**TARIKH HANTAR : 13 APRIL 2018**

Menurut Chan Ngai Weng, Wan Ruslan Ismail, Abibullah Samsudin dan Aziz Abdul Majid (1993) salah satu tujuan atau objektif dalam bidang geografi ialah pemahaman tentang pengaruh alam sekitar semula jadi terhadap manusia. Menurut beliau lagi, ramai ahli geografi di merata tempat di dunia ini telah merumuskan bahawa taburan, kegiatan malah sifat sosial manusia dipengaruhi secara kuat oleh daya-daya alam sekitar semula jadi. Konsep tersebut dikenali sebagai determinisme.

Walaupun tidak dapat dinafikan, bahawa manusia adalah aktif, dan boleh bertindak balas terhadap alam sekitar yang mengelilinginya melalui konsep posibilisme, malah menurut ahli geografi yang berpegang kepada falsafah posibilisme, manusia juga berupaya mengubah sesetengah unsur dalam alam sekitar. (Chan Ngai Weng, 1993) Pada pendapat saya, walau bagaimanapun, manusia tetap mempunyai had-had tertentu dan tidak boleh membebaskan diri sepenuhnya daripada pengawalan alam sekitar sekelilingnya terutama sekali daripada aspek budaya.

Alam sekitar semula jadi merangkumi segala fenomena di bumi seperti iklim, tanah, tumbuhan, hidupan binatang liar, bentuk muka bumi, atmosfera, mineral dan air kecuali manusia dan kerjayanya. Manakala budaya pula merangkumi corak tingkah laku khusus, pemahaman, nilai pegangan dan penyesuaian yang menunjukkan cara hidup sekumpulan manusia. (Arthur Getis, Judith Getis, Jerome D.Fellmann, 2008)

Terdapat pelbagai komponen budaya yang dipengaruhi oleh alam sekitar sesuatu tempat contohnya seperti sistem ekonomi, politik, pendidikan, undang-undang, makanan, pakaian, dan seni bina rumah. Namun, dalam penulisan ini, kita akan melihat dua budaya yang dipengaruhi oleh alam sekitar di Kampung Gajah, Perak yang merupakan kawasan kajian kes.



Peta 1 : Peta Daerah Perak Tengah, Perak, Malaysia

Sumber : Portal Rasmi Majlis Daerah Perak Tengah

Menurut Portal Rasmi Majlis Daerah Perak Tengah, Kampung Gajah merupakan salah satu mukim di daerah Perak Tengah yang berkeluasan 334 hektar. Kampung Gajah terletak di tepi tebing kanan Sungai Perak. Kampung Gajah terletak kira-kira 75 km di barat bandar Ipoh. Bandar Teluk Intan terletak di selatan Kampung Gajah, kira-kira 25 km.

Penduduk Kampung Gajah terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina dan India namun penduduk majoriti di kampung ini, merupakan kaum Melayu. Berdasarkan bentuk muka bumi di sekitar Kampung Gajah yang bertanah pamah dan berhampiran dengan tebing kanan Sungai Perak, terdapat dua budaya utama yang dipengaruhi oleh alam sekitar iaitu dari segi ekonomi penduduk dan sistem sosial sokongan.

Melalui kajian lapangan dan data yang diperoleh, penduduk Kampung Gajah memperoleh pendapatan ekonomi melalui aktiviti perikanan dan aktiviti pertanian. Bagi aktiviti perikanan, ia dijalankan di Sungai Perak, memandangkan Kampung Gajah terletak di tebing kanan Sungai Perak. Terdapat dua bentuk aktiviti perikanan utama yang dilakukan oleh penduduk di sepanjang tebing kanan Sungai Perak iaitu membelat udang galah dan penternakan ikan menggunakan sangkar di tebing Sungai Perak.

Menurut Anisafree Bidin (2016), kelebihan Sungai Perak ialah ia menjadi habitat udang galah terutamanya dari Januari hingga Mei yang lazimnya merupakan musim haiwan dengan

nama saintifiknya *macro brachium Rosenbergii* de Man itu bertelur. Kawasan yang banyak udang galah hanya terdapat di tebing sungai berbanding di kawasan tengah kerana udang galah amat gemar bersembunyi di akar-akar pokok yang berjuntai selain memudahkannya mencari makanan. (Aizam Zainal Abidin, Siti Jalilah Mohamad dan Yaakub Rasip, 2010) Apabila kawasan tengah sungai air bergerak lebih laju, kumpulan udang galah akan menghimpit ke tebing atau bawah pokok supaya tidak dibawa arus ke hilir sungai.



Rajah 1 : Muhamad Salim Saari menunjukkan hasil tangkapan udang galah dan ikan.

Sumber : Akhbar Utusan Malaysia 2016

Menurut salah seorang penduduk, Muhamad Salim Saari, 55 dalam temu bualnya bersama akhbar Utusan Malaysia (28 November 2016), nelayan akan turun membelat udang galah antara tujuh hingga lapan kali sebulan dengan menggunakan batang buluh dan jaring belat yang khas digunakan untuk membelat udang galah. Waktu untuk mengambil belat bergantung pada pasang surut air iaitu kebiasaannya sehari selepas belat dipasang. Selain udang galah, haruan, ikan duri dan lampam juga turut banyak terperangkap di dalam jaring belat.

Selain turun ke Sungai Perak, bagi aktiviti membelat udang dan menangkap ikan, penduduk Kampung Gajah yang mendirikan rumah berhampiran dengan tebing Sungai Perak, memilih untuk melakukan penternakan ikan seperti ikan talapia dan ikan patin dengan menggunakan sangkar yang dipasang di tebing Sungai Perak.



Rajah 2 : Sangkar Penternakan Ikan di Kampung Gajah

Sumber : Kajian Lapangan 2018

Berdasarkan temu bual dengan salah seorang penduduk yang merupakan pemilik perusahaan penternakan ikan, Encik Zakaria Mohd Ji, aktiviti perikanan sedemikian perlu mendapatkan kelulusan Jabatan Perikanan Malaysia, cawangan Perak Tengah. Pegawai-pegawai daripada Jabatan Perikanan akan datang terlebih dahulu untuk melihat kesesuaian kawasan bagi penternakan ikan. Menurut beliau, terdapat tiga perkara yang perlu diperiksa iaitu pH air, kedalaman air dan kelajuan arus sungai bagi memastikan kelangsungan hidup ikan di dalam sangkar.

Bagi pH air, menurut Abdullah Samat dan Mohd Pauzi Abdullah (2003) ikan dijangka mati jika pH air di bawah nilai 5.0. Paras jumlah pepejal terampai pula tidak boleh melebihi 400 mg/l manakala kandungan ammonia tidak melebihi kepekatan 0.2 mg bagi mengekalkan suasana yang membolehkan ikan bermandiri. Jumlah pepejal terampai yang tinggi pula akan meninggalkan kesan negatif ke atas ikan seperti menghalang perkembangan benih ikan.

Bagi kelajuan arus sungai, adalah penting untuk memastikan ia tidak terlalu deras kerana menurut Siti Khalijah Daud (1992) halaju air sepatutnya kurang dari 1.5 m per saat pada mana-mana tempat di dalam laluan ikan. Perkara ini turut diakui oleh Encik Zakaria Mohd Ji kerana menurut beliau, ikan-ikan tersebut akan terhimpit di bahagian tepi sangkar sahaja jika arus sungai terlalu deras. Kata beliau, salah satu sebab penternakan ikan beliau boleh dilakukan

kerana 50 meter dari tempat penternakannya terdapat sebuah teluk yang dapat berfungsi sebagai pemecah arus.

Bagi kedalaman air, perlu melebihi 6 kaki (2 meter) dan perlu ada ruang bagi pergerakan air di bawah sangkar. Menurut Encik Zakaria Mohd Ji fenomena air pasang atau surut tidak memberikan kesan negatif kepada penternakan ikan kerana Jabatan Perikanan sentiasa memberikan informasi lebih awal memudahkan beliau menggerakkan sangkar beliau mengikut kesesuaian kedalaman air sungai. Namun, faktor cuaca memberikan kesan contohnya cuaca yang terlalu panas boleh menyebabkan kematian ikan. Menurut Siti Khalijah Daud (1992) oleh sebab ikan tidak boleh mengawal suhu luaran, maka ikan cuma boleh hidup di dalam air di kawasan yang suhu persekitaran luarannya sesuai dengan suhu dalaman ikan.



Rajah 3 : Satu Petak Sangkar Yang Mengandungi Ikan Talapia

Sumber : Kajian Lapangan 2018

Menurut Encik Zakaria Mohd Ji, satu petak sangkar ini boleh memuatkan sehingga 1500 ekor ikan. Satu pusingan penternakan ikan talapia iaitu daripada benih ikan sebesar 2 inci hingga mencecah berat 300-400 gram yang boleh dijual, mengambil masa 4 bulan sahaja. Setelah cukup tempoh, beliau akan menggunakan jaring halus untuk menangkap ke semua ikan berkenaan. Jaring sememangnya merupakan alat utama dalam perusahaan menangkap ikan sama ada di sungai, lombong, tasik atau di laut luas. (Ahmad Akim,1993)



Beliau memberikan ikan-ikan berkenaan makan pelet makanan ikan 100% disediakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia. Menurut Lokman Shamsudin (1990) keperluan nutrisi bagi ikan air tawar ialah protein kasar, mineral, vitamin yang dilarutkan oleh lemak, asid lemak dan amino asid. Sukatan makanan yang betul boleh dilakukan dengan merujuk kepada had umur, berat biomas ikan yang terdapat dalam sangkar, dan faktor suhu air sungai yang menentukan kadar pemberian makanan. Lebihan makanan yang terlalu banyak di dalam kolam pula akan menimbulkan masalah kekurangan oksigen sehingga menyebabkan kematian ikan.

Selain daripada aktiviti perikanan, aktiviti pertanian atau perladangan juga merupakan antara budaya ekonomi penduduk yang dipengaruhi alam sekitar. Antara aktiviti utama yang dilakukan di Kampung Gajah ialah perladangan kelapa sawit. Menurut Portal Rasmi Pertubuhan Peladang Negeri Perak (2016), di Kampung Gajah terdapat ladang rakyat seluas 1,928 ekar milik 964 orang penduduk.



Rajah 4 & 5 : Ladang Kelapa Sawit di Kampung Gajah, Perak.

Sumber : Portal Rasmi Pertubuhan Peladang Negeri Perak

Bentuk muka bumi di Kampung Gajah adalah amat sesuai untuk aktiviti perladangan kelapa sawit kerana ia merupakan kawasan datar yang memiliki tanah jenis tanah gembur berliat. Menurut Zakaria Yacob, Abdullah Ali, Mohamad Rodzi Abd Ghani dan Rosina Abdul Rahman (1995) tanah di lokasi semaian benih kelapa sawit sebaiknya dipilih dari jenis tanah gembur berliat kerana tanah jenis ini tidak mudah pecah dalam poli beg baik sewaktu kerja alih

tanam atau semasa kerja menanam di ladang. Selain itu, menurut beliau, dianggarkan 76,600 liter air diperlukan setiap hari untuk sehektar tapak semaian.

Di Kampung Gajah, kawasan perladangannya memang berdekatan dengan sumber bekalan air hingga dapat memudahkan kerja menyiram anak benih dan dapat memenuhi keperluan tapak semaian. Aktiviti perladangan kelapa sawit begitu banyak dilakukan oleh penduduk sehingga berjaya mendorong Perak Agro Mills Sdn Bhd mendirikan kilangnya di Mukim Pulau Tiga, Kampung Gajah. Syarikat ini menjalankan aktiviti memproses buah kelapa sawit. Kilang ini telah memulakan operasi pada 1hb Julai 2001 dengan kapasiti pemprosesan 30 metrik tan buah sawit per jam. Kilang ini mendapat sumber bekalan buah tandan segar sawit (BTS) daripada ladang-ladang mini yang berhampiran iaitu di Kampung Gajah, dan juga peniaga BTS sekitar daerah Perak Tengah. (Portal Rasmi Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak, 2018)

Sebagai rumusan, aktiviti perikanan dan perladangan di Kampung Gajah menunjukkan bagaimana alam sekitar mempengaruhi budaya ekonomi penduduk kerana tanpa kesesuaian keadaan sungai, perusahaan penternakan ikan di dalam sangkar tidak akan dapat dilakukan dan tanpa kesesuaian bentuk muka bumi, jenis tanah dan sumber bekalan air yang mencukupi, aktiviti perladangan kelapa sawit secara besar-besaran tidak dapat dilakukan.

Seterusnya, budaya kedua yang dipengaruhi oleh alam sekitar ialah sistem sokongan sosial penduduk. Budaya ini sebenarnya berkait rapat dengan budaya ekonomi yang merujuk kepada jenis pekerjaan penduduk di Kampung Gajah. Hal ini kerana, pekerjaan seseorang individu amat berpengaruh dalam mencorak cara hidup dan sistem sokongan sosial sesebuah penduduk. Sistem sokongan sosial yang dimaksudkan ini merujuk kepada persatuan-persatuan yang ditubuhkan berdasarkan bentuk pekerjaan penduduk. Sebagai contoh, penduduk yang terlibat dengan aktiviti perikanan seperti nelayan, penternak ikan, pemproses, pengendali dan pemasar ikan, menyertai Persatuan Nelayan. Menurut Mohd Noor Mohd Shariff, Jamal Ali,



dan Badruddin A.Rahman. (2007) Persatuan Nelayan telah ditubuhkan di setiap negeri di bawah sub-seksyen 6 (1) di bawah Akta Persatuan Nelayan 1971.

Matlamat penubuhan Persatuan Nelayan adalah untuk mewujudkan satu sistem sokongan sosial kepada setiap individu yang menjadi sebahagian daripada penyumbang kepada industri perikanan di sesuatu kawasan. Di Kampung Gajah, menurut pemilik perusahaan penternakan Ikan, Encik Zakaria Mohd Ji, persatuan ini dikenali sebagai Rakan Fish.



Rajah 6 : Encik Zakaria bergambar bersama papan tanda Persatuan Rakan Fish

Sumber : Kajian Lapangan 2018

Persatuan ini bukan sahaja terdiri daripada penduduk kampung, namun turut melibatkan penglibatan pegawai Jabatan Perikanan Malaysia, cawangan Perak Tengah yang menawarkan rangkaian pemasaran ikan seperti di pasar-pasar dan kedai-kedai, rangkaian pemborong untuk pelet makanan ikan, kursus latihan, kemahiran mengenai ilmu-ilmu perikanan, malah turut menghulurkan bantuan kepada setiap ahli persatuan seperti menyelesaikan krisis kematian ikan, memastikan kualiti ikan, malah apabila berlaku musibah contohnya banjir besar pada tahun 2014 dahulu, bantuan alat dan peralatan perikanan, benih dan pelet makanan diberikan bagi menampung kerugian setiap penternak ikan.

Bagi aktiviti perladangan kelapa sawit pula, mereka juga mempunyai sistem sokongan sosial yang kuat iaitu Persatuan Pekebun Kecil (PPK) Kampung Gajah. Persatuan yang terdiri daripada pekebun, peladang kelapa sawit, peniaga tandan segar kelapa sawit dan pekerja-pekerja kelapa sawit ini juga menjalankan kerjasama dengan Pertubuhan Peladang Negeri

Perak yang menjadi agen pengurusan meliputi proses penyediaan tapak semaian, penyelenggaraan, pembelian bahan tanaman, dan pemasaran hasil keluaran. (Portal Rasmi Pertubuhan Peladang Negeri Perak (2016).

Berdasarkan temu bual bersama Pengerusi Persatuan Pekebun Kecil Kampung Gajah, Nurdin Mat Isa, setiap ahli persatuan telah dianggap seperti sebuah keluarga yang akan membantu dalam setiap kesusahan. Aktiviti persatuan bukan sahaja melibatkan berkenaan aktiviti perladangan namun pelbagai aktiviti untuk mengeratkan hubungan diadakan. Hasil kekuatan persatuan ini, contohnya mereka berjaya menuntut bela apabila ditindas oleh Syarikat Awan Timur Palm oil Mill Resources (Perak) Sdn. Bhd yang melanggar kontrak jual beli kelapa sawit. Nasib 4,000 ahli persatuan terbela apabila mahkamah memerintahkan syarikat berkenaan membayar RM504,994.95 pada 6 Disember 2017. (Muhammad Ayman Ghaffa, 2017)

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa budaya sistem sokongan sosial penduduk, mempunyai perkaitan yang rapat dengan budaya ekonomi penduduk di Kampung Gajah. Hal ini kerana, pada pendapat saya, pekerjaan penduduk tidak kira aktiviti perikanan atau perladangan, akan melibatkan komitmen penduduk pada setiap hari sekali gus ia melambangkan cara hidup penduduk termasuklah sistem sokongan sosial yang mereka miliki.

Pada keseluruhannya, tidak dapat dinafikan bahawa berdasarkan kajian kes di Kampung Gajah ini, budaya penduduk memang dipengaruhi oleh alam sekitar yang berada di sekeliling mereka.

## **Bibliografi**

- Abdullah Samat dan Mohd Pauzi Abdullah (2003). *Kepelbagaian Ikan dan Kaitannya dengan Paras Oksigen Terlarut, pH, Nitrogen Amonia dan Jumlah Pepejal Terampai di Beberapa Batang Sungai di Malaysia*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Akim (1993). *Teknik Menangkap Ikan : Tradisional dan Modern*. Kuala Lumpur : Edusystem Sdn Bhd
- Ainsafree Bidin (2016, 28 November). Sungai Perak Lokasi Tumpuan Belat Udang, Akhbar Utusan Online. Dicapai pada 7 April 2018, dari <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/perak/sungai-perak-lokasi-tumpuan-belat-udang-1.413158>
- Aizam Zainal Abidin, Siti Jalilah Mohamad dan Yaakub Rasip. (2010). *Pembenihan dan Penternakan Udang Galah *Macrobrachium rosenbergii* de Man*. Kuala Terengganu : Penerbit Universiti Malaysia Terengganu
- Arthur Getis, Judith Getis dan Jerome D. Fellmann. (2008). *Introduction to Geography Eleventh Edition*. New York : Mc Graw Hill Higher Education.
- Chan Ngai Weng, Wan Ruslan Ismail, Abibullah Samsudin dan Aziz Abdul Majid. (1993). *Pengantar Geografi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lokman Shamsudin (1993). *Panduan Asas Akuakultur*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Noor Mohd Shariff, Jamal Ali, dan Badruddin A.Rahman. (2007). *Kajian Pembangunan Usahawan Di Sektor Perikanan Malaysia*. Sintok : Penerbit Universiti Utara Malaysia
- Muhammad Ayman Ghaffa, (2017, 6 Disember). Syarikat Proses Sawit Diarah Bayar Baki Hutang Tertanggung PPK Bernilai RM504,994.95. Akhbar Kosmo Online. Dicapai pada 8 April 2018, dari <http://www.kosmo.com.my/terkini/syarikat-proses-sawit-diarah-bayar-baki-hutang-tertanggung-ppk-bernilai-rm504-994-95-1.567768>

- Nuridin Mat Isa. (2018, April 3). Pengerusi Persatuan Pekebun Kecil Kampung Gajah Perak. Temu bual Peribadi. Perak.
- Portal Rasmi Majlis Daerah Perak Tengah (Tarikh Kemas kini 5 April 2018). Info Perak Tengah. Dicapai pada 7 April 2018, dari <http://www.mdpt.gov.my/ms/pelawat/info-perak-tengah>
- Portal Rasmi Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak. (Tarikh Kemas Kini Mac 2018) . Perak Agro Mills Sdn Bhd. Dicapai pada 7 April 2018, dari <http://www.pppnp.gov.my/ppnp/index.php/maklumat/perak-agro/mills>
- Portal Rasmi Pertubuhan Peladang Negeri Perak (2016). Aktiviti Perladangan. Dicapai pada 7 April 2018, dari <http://www.ppnpk.com.my/perladangan.html>
- Siti Khalijah Daud (1992). *Prinsip Sains Perikanan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zakaria Mohd Ji. (2018, April 2). Pemilik Perusahaan Penternakan Ikan Sangkar Pulau Tiga, Kampung Gajah. Temu bual Peribadi. Perak.
- Zakaria Yacob, Abdullah Ali, Mohamad Rodzi Abd Ghani dan Rosina Abdul Rahman (1995). *Pengurusan dan Penyelenggaraan Tapak Semaian Bahan Tanaman Kelapa Sawit*. Kelana Jaya : Penerbitan Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORLA)